

ralat & rareat



Bersama
DR. AHMAD ISMAIL



Selamatkan Hutan Belum-Temenggor

KOMPLEKS Hutan Belum-Temenggor merupakan Hutan Hujan Tropika yang terbesar dan penting di Semenanjung Tanah Melayu. Kompleks hutan yang terletak di kawasan Hulu Perak bersempadan dengan Thailand seluas lebih kurang 300,000 hektar (ha) dipercayai berusia lebih daripada 130 juta tahun dan merupakan antara hutan hujan tropika yang tertua di dunia.

Hutan ini dilaporkan lebih tua daripada hutan hujan Amazon dan Congo. Kawasan ini juga diiktiraf kerajaan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1 bawah Rancangan Fizikal Negara (RFN) sebagai Kawasan Penting Burung (IBA).

RFN menerusi Subseksyen 6B(2) Akta 172 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 yang merumuskan dasar-dasar strategik bagi maksud menentukan haluan dan arah aliran am pemajuan fizikal bagi negara.

KSAS merupakan kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang aktiviti atau pembangunan dan perlu dipulihara untuk nilai warisannya, memelihara nilai sokongan hidupnya dan meminimumkan risiko bencana akibat penukaran guna tanah.

Tiada pembangunan guna tanah, pertanian atau pembalakan dibenarkan kecuali untuk pelancongan semula jadi berimpak rendah, penyelidikan, dan pembelajaran. Hutan Simpan Kekal (HSK) yang mempunyai ketinggian 1,000 meter (m) dari

paras laut dan ke atas hendaklah dikekalkan sebagai Hutan Perlindungan Tanah dan Hutan Tadahan Air.

Peraturan yang kerajaan tetapkan itu mestilah dikuatkuasakan dan dihormati semua orang.

Birdlife International juga turut mengiktiraf Kompleks Hutan Belum-Temenggor sebagai IBA yang penting kerana kawasan ini terdapat 10 spesies burung enggang yang tidak dijumpai di tempat lain di dunia. Selain itu, Kompleks Hutan Belum-Temenggor juga dilaporkan habitat bagi lebih 300 spesies burung.

Berasaskan kepada keistimewaan kepelbagaian biologi seperti yang disebutkan, Kerajaan Negeri Perak mewartakan 117,500 ha sebahagian daripada Hutan Simpan Belum sebagai Taman Negeri pada 3 Mei 2007. Ini adalah satu pengiktirafan daripada kerajaan negeri dalam melindungi dan memulihara kepelbagaian biologi negara. Kerajaan negeri konsisten dan komited dalam pengurusan hutan secara mampan dan diyakini masyarakat antarabangsa.

Kejayaan pematuhan piawaian Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS) membuktikan HSK di negeri ini diurus dengan cemerlang.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menyasarkan lima juta hektar



PENYELIDIK kerap menjalankan kajian di di Hutan Belum- Temenggor.

kawasan HSK menjelang tahun 2020. Setakat tahun 2017, sebanyak 4.9 juta ha kawasan berstatus HSK dicapai di Semenanjung.

Namun penyelidikan patut diteruskan bagi memastikan kawasan hutan yang cukup untuk menjamin bekalan air, kestabilan alam sekitar dan habitat haiwan liar. Peruntukan penyelidikan berkaitan kepelbagaian biologi di kawasan yang dilindungi perlu disediakan oleh kerajaan dan sumbangan swasta. Mungkin satu tabung penyelidikan kepelbagaian biologi yang diurus tadbir satu badan yang ditentukan perlu diadakan.

Keistimewaan Kompleks Hutan Belum-Temenggor ini

hutan dengan baik dan menafaatkan masyarakat seluruhnya.

Sehubungan itu, Sidang Kemuncak Hujan Belum 2018 (Brains 2018) dianjurkan di Pulau Banding, Gerik, Perak oleh Yayasan Pulau Banding dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Persatuan Pecinta Alam Malaysia (MNS), Dana Sedunia Alam Semula Jadi (WWF) dan Kerajaan Negeri Perak. Penganjuran simposium seperti ini bukanlah buat kali pertama, tetapi beberapa seminar dan simposium sudah dijalankan sebelum ini bagi berkongsi maklumat hasil daripada ekspedisi saintifik berkaitan Hutan Belum-Temenggor.

Perkara yang akan dibincangkan dalam Brains 2018 nanti adalah kepelbagaian biologi dan perkhidmatan ekosistem, Hutan Sosial dan Komuniti, Pemuliharaan Hidupan liar serta Penglibatan Pihak Berkepentingan dan Tadbir Urus dalam hal berkaitan Hutan Belum-Temenggor.

Usaha Yayasan Pulau Banding dengan kerjasama beberapa agensi lain merupakan satu langkah terbaik dalam menyokong kepelbagaian biologi negara dan memanfaatkan sumber semula jadi secara langsung atau tidak. Skop perbincangan ini sangat penting bagi memastikan kelestarian Kompleks Hutan Belum-Temenggor.

TASIK Banding sentiasa menarik perhatian pengunjung

INFO

- Kompleks Hutan Belum-Temenggor terdiri daripada hutan dipterokarp tanah rendah dan berbukit, di samping banyak tumbuhan yang endemik.
- Terdapat juga empat spesies bunga pakma atau *Rafflesia*, 46 spesies palma, di mana 15 spesies adalah endemik dan lebih 30 spesies halia antara 3000 spesies tumbuhan berbunga.
- Kompleks Hutan Belum-Temenggor juga mempunyai 101 spesies mamalia termasuk harimau Malaya (*Panthera tigris jacksoni*), tapir Malaya (*Tapirus indicus*), gajah Asia (*Elephas maximus*) seladang (*Bos gaurus*), beruang matahari (*Helartus malayanus*) dan beberapa spesies lain yang penting.
- Dilaporkan terdapat badak Sumatera (*Dicerorhinus sumatrensis*) yang dikatakan sudah pupus.
- Kebanyakan spesies yang disenaraikan sebenarnya adalah haiwan yang terancam kepupusan.
- Sebanyak 60 sira juga dilaporkan dalam Kompleks Hutan Belum-Temenggor yang menjadi tumpuan mamalia besar untuk mendapatkan sumber garam galian.



HUTAN Belum-Temenggor kaya dengan kepelbagaian biologi yang menjadikannya aset semula jadi negara yang sangat berharga.

Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	: UTUSAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 20
TARIKH	: 7/9/2018		
JABATAN	: JPSM		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

